

Dunia kutuk serangan Israel ke atas hospital di Gaza ragut lebih 500 nyawa

Tindakan gila, hilang perikemanusiaan

**Utusan
Malaysia**

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan serangan terbaharu Israel di Hospital al-Ahli Arab di tengah Gaza malam kelmarin sebagai tindakan gila dan hilang perikemanusiaan.

Perdana Menteri berkata, ia serangan keterlaluan Zionis terhadap rakyat Palestin.

“Perkembangan terakhir dan terkini mengenai serangan Israel itu keterlaluan. Apa yang dituduh dan siapapun, ini ialah (akibat) serangan dan perang. Sebab itu, kita kata hentikan.

“Kalau teruskan, yang menjadi mangsa wanita, anak-anak dan pesakit. Ini dah sampai ke tahap gila dan hilang perikemanusiaan,” kata beliau selepas melancarkan Symposium - *The Path Towards Greater Prosperity For Malaysia* di sini semalam.



Kekejaman melampau

ORANG ramai melihat sebahagian daripada mayat rakyat Palestin yang terkorban akibat serangan Israel ke atas Hospital al-Ahli Arab di tengah Gaza kelmarin. - AFP (Lagi berita di muka 10.11.38 & 39)

Bersambung di muka 3

Tindakan gila, hilang perikemanusiaan'

Dari muka 1

Menurut beliau, Malaysia mengulangi beberapa kenyataan sebelum ini selain mendukung beberapa kenyataan sesetengah pimpinan negara luar yang kesal dan mengecam pengeboman hospital di Gaza itu.

Kata Anwar, beliau kesal dengan sikap bermuka-muka negara Barat yang kononnya membela hak kemanusiaan di Gaza.

"Paling dikesalkan, negara Barat yang bercakap soal hak kemanusiaan ini rupanya ada kategori. Ada manusia kelas satu dan ada manusia kelas hamba.

"Dan ini yang kita bantah sekeras-kerasnya. Tapi seka-

rang ada tuduhan pelbagai, saya tak kira soal pokoknya hentikan kegiatan (serangan) ini," seru Perdana Menteri.

Anwar berkata, beliau akan bertemu dengan Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Mohammed Salman selepas menghadiri Sidang Kemuncak Majlis Kerjasama ASEAN-Teluk (GCC) di Riyadh, Arab Saudi bagi mendapatkan perkembangan terkini konflik serangan di Gaza.

Beliau berkata, lawatan sehari itu bagi melihat keperluan dan berbincang dengan beberapa pimpinan negara-negara Islam sama ada secara kunjungan atau menghubungi melalui panggilan telefon.

Mengikut laporan agensi, pengeboman terbaharu di hos-

pital malam kelmarin mengorbankan lebih 500 nyawa. Semasa serangan hospital tersebut menjadi tempat beribu-ribu pelarian Palestin mencari perlindungan.

Sementara itu, beberapa pemimpin dunia turut mengecam serangan berdarah di hospital Gaza.

Antaranya, Perdana Menteri Kanada, Justin Trudeau yang menegaskan tentera Israel perlu mematuhi undang-undang perang antarabangsa.

"Insiden di Gaza amat mengerikan dan sama sekali tidak boleh diterima. Undang-undang antarabangsa perlu dihormati dalam semua hal. Terdapat peraturan ketika peperangan dan jelas tidak boleh membedil hospital," ka-

tanya.

Menteri Luar Jepun, Yoko Kamikawa berkata, serangan ke atas hospital dan orang awam tidak boleh dibenarkan atas apa jua alasan.

"Kami amat marah dengan kehilangan besar nyawa orang awam. Jepun menzahirkan simpati terhadap keluarga mangsa yang cedera dan meninggal dunia," katanya.

Canselor Jerman, Olaf Scholz menggesa siasatan menyeluruh mengenai letupan berkenaan.

"Saya merasa ngeri melihat imej letupan di sebuah hospital di Gaza. Orang awam yang tidak bersalah cedera dan terbunuh. Penyiasatan menyeluruh mengenai insiden itu adalah penting," katanya.